

Konflik Malaysia-Kesultanan Sulu: *The Tertius Gaudens* dan Hak-Hak Pihak dalam Pertikaian

MOHD FAIZAL MUSA

ABSTRAK

Peristiwa pencerobohan di Lahad Datu dan Semporna, Sabah oleh tentera Kesultanan Sulu pada bulan Februari-Mac 2013 membawa kepada banyak perbincangan mengenai sejarah Kesultanan Sulu dan kedudukannya hari ini dari sudut undang-undang. Makalah ini walau bagaimanapun meninjau insiden tersebut dari sorot disiplin sosiologi politik. Objektif makalah adalah untuk membincangkan pertamanya, saranan dialog dan kaedah berkesan bagi mengelakkan konflik yang terjadi di Sabah kian berpanjangan. Setelah mengambil kira sistem 'dyad' yang dipraktikkan oleh bangsa Taousug iaitu etnik paling dominan dalam Kesultanan Sulu, kerangka dialog yang dikemukakan adalah 'the tertius gaudens'. Ia merupakan formulasi yang disaran oleh Georg Simmel lantas dihubungkan dengan 'Hipotesis Seimbang' oleh Fritz Heider. Keduanya, makalah ini membincangkan isu hak-hak asasi manusia dan keadaan kemanusiaan yang terjadi ekoran pencerobohan tersebut. Makalah menyatakan insiden di Lahad Datu dan Semporna tersebut tidak mewajarkan pemomokan terhadap etnik Taosug dalam masyarakat.

Kata kunci: kesultanan Sulu, pemomokan, sistem dyad, hipotesis seimbang, hak asasi manusia

ABSTRACT

The intrusion in Lahad Datu and Semporna, Sabah by the Sulu Sultanate royal army in February-March 2013 led to much discussion about the history of the Sultanate of Sulu and its position today from a legal standpoint. This paper, however, looks at the incident from political sociology perspective. The objectives are to discuss firstly, the most effective method of dialogue to avoid the conflict in Sabah to be prolonged. After taking into account the 'dyad' system practiced by the people of Taousug, 'the tertius Gaudens' is presented as the reasonable framework. It is a formulation that have been suggested by Georg Simmel and connects here with 'Balance Hypothesis' as proposed by Fritz Heider. Secondly, this paper discusses the issue of human rights and humanitarian situation that occurred following the intrusion. This paper stated that the incident in Lahad Datu and Semporna does not justify any stigmatization against ethnic Taosug in the society.

Key words: Sulu sultanate, stigmatization, dyad system, balance hypothesis, human rights

PENDAHULUAN

Pada 9 Februari 2013, Malaysia dikejutkan dengan laporan sekumpulan penceroboh yang memasuki perairan negara dengan menggunakan bot pancung. Kumpulan penceroboh tersebut berkumpul secara berperingkat di Felda Sahabat 17, Kampung Tanduo, Lahad Datu. Perkembangan pada 11 Februari 2013 menjadi semakin mendadak di mana semakin ramai penceroboh dikesan dan dikatakan mengenakan pakaian ala tentera dan bersenjata api. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 14 Februari 2013 dilaporkan berkata kerajaan Malaysia akan menggunakan perundingan untuk menangani isu pencerobohan tersebut. Pada hari yang sama juga Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar memaklumkan polis mengenal pasti penceroboh tersebut adalah warga Filipina yang merupakan antara pewaris berketurunan Sultan Sulu

dari Selatan Filipina. Dua hari kemudian, pada 16 Februari 2013, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mengesahkan kumpulan penceroboh tersebut bukan kumpulan militan atau penganas tetapi adalah 'penyokong kuat Kesultanan Sulu'. Seterusnya pada 24 Februari 2013, Kerajaan Filipina menghantar sebuah kapal untuk memujuk kumpulan kira-kira 180 anggota tersebut supaya pulang ke Filipina. Namun pada 1 Mac 2013, pertempuran tercetus antara pasukan keselamatan dan kumpulan kecil penceroboh menyebabkan dua anggota pasukan keselamatan terkorban serta tiga lagi cedera (Sinar Harian 2013). Insiden 1 Mac tersebut membawa kepada lebih banyak pertumpahan darah termasuk di Semporna. Malaysia kemudian melancarkan Operasi Daulat untuk menahan penganas terbabit. Sehingga makalah ini ditulis, pertempuran antara pihak kerajaan Malaysia dan penceroboh masih berjalan.

Persoalan siapakah pengganas yang menceroboh Lahad Datu, Sabah tersebut masih terlalu kabur. Tony Cartalucci (2013) misalnya mendakwa militan Taosug ini didanai oleh kerajaan Arab Saudi dan kuasa Barat. Haidar Bagir (Harakah Daily 2013) dengan nada yang hampir sama menyifatkan pengganas Taosug ini sebagai '*footloose jihadists*' yang mengekspor perpecahan sekte dalam kalangan negara Islam.

Peristiwa pencerobohan tersebut menimbulkan pelbagai spekulasi, andaian dan naratif sejarah mengenai Kesultanan Sulu. Gugusan kepulauan Sulu merangkumi Selatan Filipina, antara pulau Mindanao menganjur ke Sabah, Malaysia. Gugusan kepulauan ini didiami antara lain oleh kaum pagan, nomad laut iaitu Bajau, Samal dan etnik Taosug¹ (Tarling 1978: 1). Masyarakat Taosug adalah etnik yang terbesar dikaitkan dengan Kesultanan Sulu dan merupakan penghuni kepulauan Jolo; '*the Taosug (people of the current), the dominant ethnic group in the Sulu archipelago, are the sole residents of Jolo island, the historical seat of the Sultanate*' (Warren 1985 :xxi). Taosug adalah salah satu dari tiga belas kumpulan etno-linguistik beragama Islam yang menghuni pulau Mindanao dan beberapa pulau lain di Selatan Filipina, termasuk Sulu, Palawan, Basilan dan Tawi-Tawi sejak kedatangan Islam pada tahun 1280 menerusi pedagang dan pendakwah Arab (Cesar Adib Majul 1999). Kaum Taosug, Maquindanao, Maranao, dan Sulu disatukan oleh agama Islam dan dinamai bangsa Moro. Asreemoro (2007: 47-50) mendakwa kaum Taosug menerima dakwah Islam dari keturunan *ahlul bait* (keluarga Rasulullah saw) menerusi jalur Sharif Kabungsuwan. Pendakwah ini, iaitu Kabungsuwan dipercayai bertanggungjawab mengIslamkan Mindanao dan rantau berdekatan (Yusof Ahmad Talib 2011: 699-701). Populasi keseluruhan bangsa Moro adalah kira-kira 4.6 juta orang iaitu kira-kira lima peratus dari keseluruhan populasi Filipina (Dolan 1991).

Sebahagian besar rekod sejarah mengenai Kesultanan Sulu memaparkan konflik dan persengketaan panjang antara kerajaan Sulu dengan penjajah Sepanyol dan Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, harus dinyatakan di sini polisi penjajah Inggeris menjadi penyebab kepada konflik yang berlaku hari ini iaitu antara Kesultanan Sulu, Filipina dan Malaysia:

The subject may nevertheless have a more direct contemporary value. Though Sulu's contacts with Spain lasted for three centuries, British policy in the later nineteenth century was

decisive in determining its fate. But some problems were not completely resolved. One was the claim to the Sabah territories which now form part of Malaysia. The other was the relationship of Sulu with the rest of the Philippines (Tarling 1978: 1-2).

Walau bagaimanapun makalah ini tidak berminat untuk mencebur ke dalam persoalan sejarah yang rumit. Dua objektif makalah ini adalah untuk, pertamanya, memberi saranan dialog yang berkesan bagi mengelakkan konflik yang terjadi kian berpanjangan sehingga merugikan pelbagai pihak. Keduanya, memberi perhatian kepada hak-hak asasi dan keadaan kemanusiaan yang terjadi ekoran pertikaian ini.

Seperti yang terlihat hari ini, konflik dengan Kesultanan Sulu adalah sesuatu yang tidak sederhana dan masih belum jelas puncanya. Walau bagaimanapun, apa yang jelas salah satu punca konflik ini sukar diurus dan dikawal selia adalah kerana struktur politik dan pentadbiran Kesultanan Sulu ini sama sekali tidak berpusat. Dalam erti kata lain hak, tanggungjawab serta kuasa menurut Kesultanan Sulu diagih-agihkan ke pelbagai tahap mengikut format sistem politik tradisional:

Critical to understanding the centrifugal nature of the Sulu Sultanate is the fact that it lacked an effective means of centralizing rights associated with the legal, political, and administrative spheres of the state. In the Sultanate the rights and duties of authority figure were duplicated at different levels of the traditional political system. The primary rights associated with the traditional political system among the Taosug were: i) rights to perform legal functions; ii) rights to appoint and regulate religious officials; iii) rights top control over territory; iv) rights to control over subject people; v) rights to wage external warfare; vi) rights to tribute and legal fees; vii) rights to control over markets; and; ix) rights to mediate private warfare and feud (Warren 1985: xxv).

Perenggan di atas menjelaskan sistem politik tradisional yang diamalkan Kesultanan Sulu sangat rumit. Ini ekoran hak-hak pentadbiran dan kuasa diagihkan secara tidak terhad kepada peringkat masyarakat yang berada di bawah. Hal ini membawa kepada kesukaran untuk menganjurkan satu perbincangan atau dialog bagi tujuan menamatkan krisis.

MEMAHAMI BANGSA TAOSUG

Bangsa Taosug adalah bangsa dengan sistem politik ‘dyad’. Ia adalah sistem politik yang berfungsi dalam bentuk unit sepasang. Sistem ini juga memberi indikasi bahawa persengketaan yang sedang berlaku ini tidak akan berakhir dengan mudah, atau singkat; ini adalah kerana struktur kuasa bangsa Taosug menghubungkan kepatuhan kepada pemimpin dalam bentuk kumpulan yang sangat kecil. Kumpulan yang sangat kecil atau super individu ini akan membentuk pasangan-pasangan lain yang kemudian membentuk jemaah yang lebih besar:

...the primary loyalties of a Taosug were to his immediate leader rather than towards a higher super-ordinate authority or the state. Power remained diffuse within the political system, and governance in the traditional Taousug state was predicated on factional politics and revolved around highly variable leader centred groups (Warren 1985: xxiv).

Sistem ‘dyad’ dalam komuniti Taosug membolehkan persefahaman dan pengiktirafan sesama kumpulan-kumpulan kecil ini, akan tetapi persefahaman dan pengiktirafan dalam sistem ‘dyad’ tidak bermaksud setiap unit atau pusingan mempunyai hak yang sama. Dalam erti kata lain ‘mutual’ tidak bermakna ‘equal’.

Harus diingatkan Agbimuddin Kiram iaitu saudara terdekat Jamalul Kiram III yang mengetuai pasukan penceroboh di Lahad Datu pada Februari-Mac 2013 adalah bekas penolong pegawai daerah di Kudat ketika Tun Mustapha Harun menjawat kedudukan Ketua Menteri Sabah (Chong 2013). Carian terhadap ‘Senarai Kakitangan 1975’ di Jabatan Arkib Negara Sabah, mengesahkan bahawa Agbimudin Kiram adalah Pegawai Pentadbir Muda di Pejabat Daerah Kudat. Beliau dilantik pada 1 Mac 1974 dengan gaji sebanyak RM610 sebulan (Perkhidmatan Awam Sabah 1975: 69)². Ini menunjukkan akar konflik ini telah lama tersemai dan tidak pernah diberi perhatian oleh pihak berwajib. Bahkan terdapat laporan dari Filipina bahawa pelan segelintir pengikut Kesultanan Sulu untuk menceroboh Malaysia telah pun dibincangkan sejak Ogos 2012 (Cruz 2013). Bekas Ketua Polis Lahad Datu, Kamis Daming dalam satu laporan akhbar berpusat di Malaysia Timur iaitu *Daily Express* telah menegaskan bahawa beliau pernah menyuarakan kepada pihak atasan di Kuala Lumpur yang Lahad Datu sememangnya berpotensi untuk dicerobohi dan menjadi medan konflik (*Daily Express* 2013).

Oleh kerana pertumpahan darah telah pun berlaku, pihak berkuasa Malaysia masih boleh menggunakan saluran yang sedia ada untuk menghindar konflik ini berlanjut. Saluran ‘dyad’ atau pasangan-pasangan kecil yang bertebaran dalam bentuk ‘pasangan rakyat atau pengikut’ Kesultanan Sulu yang aktif dalam masyarakat Sabah selama ini boleh dirujuk. Sebagai misalan Datu Mohd Akjan, seorang yang dikaitkan dengan Kesultanan Sulu pernah menjadi ahli UMNO (parti pemerintah di Malaysia). Datu Mohd Akjan wajar dan dapat dirundingi untuk membolehkan unit-unit kecil lain yang beroperasi didekati:

Awal bulan ini, Datu Mohd Akjan yang juga Pengerusi Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah Malaysia (PEKIDA) Cawangan Sabah dilapor ditabalkan sebagai Sultan Sulu selepas mengangkat sumpah kesetiaan dalam majlis di sebuah rumah di Kampung Likas, dekat sini. Majlis itu turut disaksikan sekumpulan 60 jemputan, termasuk beberapa individu yang didakwa sebagai Pegawai Kanan Kesultanan Sulu (*Berita Harian* 2011).

Gelaran ‘Datu’ seperti yang terlihat pada ‘Datu Mohd Akjan’ dalam masyarakat Taosug membawa maksud dan pengertian besar. ‘Datu’ adalah kumpulan aristokrat yang mempunyai pengaruh dalam budaya berpolitik orang Taosug. Selain ‘berdarah raja’, golongan ‘Datu’ dihormati kerana kehartawanannya atau kerana bakat dan kualitinya yang tersendiri. Golongan ‘Datu’ mempunyai jumlah pengikut yang signifikan, iaitu dalam kalangan ahli keluarga yang terlibat dalam bidang pertanian, perdagangan, dan pelaut. ‘Datu’ juga merupakan pemegang simbol Kesultanan Sulu. Apa yang paling penting ialah kumpulan ‘Datu’ ini juga mendapat dokongan golongan ‘banyaga’ yang tidak berbelah bahagi. ‘Banyaga’ merupakan ‘kelas pekerja’ yang juga berperanan sebagai ‘kelas tentera’. Sehingga tahun 1878, prestij seseorang ‘Datu’ terlihat pada jumlah ‘banyaga’ di bawah seliaannya. Dalam hal ini ‘banyaga’ tersebut merupakan hamba yang diculik dan didagangkan sesama mereka. Sultan dalam budaya politik Taosug juga merupakan seorang ‘Datu’. Kumpulan ‘Datu’ lain dapat mencabar resolusi atau ‘titah-perintah’ seorang Sultan kerana kurangnya keterkaitan antara ‘Datu’ ini. ‘Datu’ juga boleh saling membantu khususnya membekalkan bantuan sesama mereka. Pedoman hidup masyarakat Taosug adalah undang-undang adat, iaitu agamat (syariat Islam yang telah mengalami lokalisasi) dan martabat (hukum had yang telah diberi warna tempatan).

Apa yang menjadikan seorang ‘Datu’ itu Sultan adalah cara ia menggunakan karisma, keupayaannya memanipulasi kesetiaan dari kumpulan-kumpulan kecil dan kebolehdayaannya melakukan pakatan untuk mencapai sesuatu tujuan. Seorang Sultan dilihat lebih sebagai pelindung agama berbanding penguasa. (James Francis Warren 1985: xxvi-xxvii). Hal ini kurang difahami oleh penganalisis politik atau kebanyakan ahli akademik. Sebagai contoh Farish A. Noor dari S. Rajaratnam School of International Studies (RSIS), Nanyang Technological University mempersoalkan ramainya penuntut takhta Kesultanan Sulu; ‘*there are several people claiming to be the Sultan of Sulu, and so who is the real Sultan?*’. Soalan beliau menunjukkan kurangnya pengetahuan tentang bangsa Taosug dan Kesultanan Sulu selama ini. Selain itu, Arnold Puyok dari UiTM Sabah pula menyarankan dialog antara Filipina, Malaysia dan wakil Kesultanan Sulu (Lim 2013). Jika mengambil kira sistem politik bangsa Taosug, satu dialog yang melibatkan dua negara dan satu bukan negara (*two state actors and one non state actor*) terlihat mustahil.

BAGAIMANA MENYELESAIKAN KONFLIK INI?

Sekiranya pihak berkuasa Malaysia memahami sistem ‘dyad’ ini dengan bersungguh-sungguh, solusi ‘*the Tertius Gaudens*’ boleh digunakan. Penyelesaian dengan formula ‘*the Tertius Gaudens*’ ini ialah dengan merundingi atau memanipulasi pihak ketiga dalam sistem yang sama (sebagai contoh pihak ketiga dalam kalangan ‘Datu’) yang non-partisan dan berani bertindak sebagai mediator. Pihak ketiga ini, ‘*the Tertius Gaudens*’ (atau maksudnya, pihak ketiga yang menuai laba) berperanan sebagai broker dan boleh dijanjikan keuntungan tertentu (Simmel 1950: 154). *Zweierverbindung* atau penggembangan secara pasangan adalah unit super individu yang kompleks dalam sistem ‘dyad’. Simmel (1950: 138) menyarankan kemasukan pihak ketiga untuk ‘merubah’ rentak, penggembangan unit pasangan atau ‘dyad’ ini; ‘*dyads thus have very specific features. This is shown not only by the fact that the addition of a third person completely changes them, but also, and even more so, by the common observation that the further expansion to four or more by no means correspondingly modifies the group any further.*’

Formulasi ‘*the Tertius Gaudens*’ dengan itu akan membawa kepada ‘Hipotesis Seimbang’ yang

pernah disarankan Heider (1946). ‘Hipotesis Seimbang’ oleh Heider ini menganjurkan keberadaan tiga entiti untuk mengimbangi keadaan. Sama ada ketiga-tiganya membawa unsur positif; atau dua entiti memilih unsur negatif sementara satu memilih unsur positif, keseimbangan akan tetap dapat dicapai. Penjelasan formula Heider tersebut diketengahkan secara terperinci di sini:

In trying out this hypothesis we shall understand by attitude the positive or negative relationship of a person p to another person o or to an impersonal entity x which may be a situation, an event, an idea, or a thing, etc. Examples are: to like, to love, to esteem, to value, and their opposites. A positive relation of this kind will be written L, a negative one ~L. Thus, pLo means p likes, loves, or values o, or, expressed differently, o is positive for p. The relation “unit” will be written U. Examples are: similarity, proximity, causality, membership, possession, or belonging. pUx can mean, for instance, p owns x, or p made x; p ~ Ux means p does not own x, etc. Other relations which, in many ways, seem to function like units are: p is familiar with, used to, or knows well o or x, and p is in situation x. In lumping together all these relations we are, of course, aware of the dissimilarities between them. Only in a first approximation can they be treated as belonging to one class.

The hypothesis may be stated in greater detail thus: (a) A balanced state exists if an entity has the same dynamic character in all possible respects (e.g., if p admires and at the same time likes o); in other words, if pLo or p ~ Lo is true for all meanings of L. (We may anticipate here that the analogous statement for pUo does not seem to hold in a general way.) (b) A balanced state exists if all parts of a unit have the same dynamic character (i.e., if all are positive, or all are negative), and if entities with different dynamic character are segregated from each other. If no balanced state exists, then forces towards this state will arise. Either the dynamic characters will change, or the unit relations will be changed through action or through cognitive reorganization. If a change is not possible, the state of imbalance will produce tension. (Heider 1946: 108)

Dalam hal ini, entiti ketiga yang dapat disertakan dalam dialog untuk mencapai keseimbangan adalah Majlis Diraja Sulu atau *Council of Royal Datus*. Seperti yang telah dihursti di atas, himpunan ‘Datu’ tidak saling mematuhi, dan tidak pula saling

mengingkari. Tambahan pula *Council of Royal Datus* mengandungi lebih dari satu keluarga, yang terbentuk dari hubungan inter ‘dyad’:

Majlis Raja-Raja Sulu dengan Majlis Diraja Sulu atau Council of Royal Datus sangat jelas. Majlis Raja-Raja Sulu adalah perhimpunan semua Raja-Raja atau Sultan-sultan yang sedang memerintah, Majlis Diraja Sulu pula adalah perhimpunan satu-satu keluarga kerabat Diraja Kesultanan Sulu seperti Kiram, Shakirullah, Harun Al-Rashid dan Aranan (Dzulasree 2009).

Adalah pasti, salah satu keluarga kerabat Diraja Kesultanan Sulu, dalam hal ini keluarga Aranan (atau lain-lain) akan beroleh ‘darjat’ atau dijanjikan ‘kepentingan’ menerusi formula ‘*the Tertius Gaudens*’. Penambahan pihak ketiga akan memberi perbezaan kualitatif yang merubah alamiah sistem ‘dyad’:

In short, the sociological situation between the superordinate and the subordinate is completely changed as soon as a third element is added. Party formation is suggested instead of solidarity; that which separates servant and master is stressed instead of what binds them, because now common features are sought in the comrade and, of course, are found in their common contrast to the superordinate of them both (Simmel 1950: 141).

Formula di atas dapat menatijahkan ‘Hipotesis Seimbang’ lantas membawa kepadaimbangan kestabilan antara keluarga ‘Sultan Kiram’, Filipina dan negara Malaysia. Oleh kerana hak terhadap Kesultanan Sulu dituntut oleh sembilan pihak, Malaysia masih boleh memilih jalan dialog dengan formula di atas (Chooi 2013a). Ini kerana etnik Taosug dan keseluruhan bangsa Moro mempunyai sejarah panjang dan ketahanan untuk berperang dalam satu tempoh yang lama. Sebarang pertikaian yang berpanjangan tidak mendatangkan apa-apa manfaat buat Malaysia.

HAK-HAK PIHAK DALAM PERTIKAIAN

Seperti yang telah dinyatakan di atas, bangsa Taosug dan Moro mempunyai sejarah panjang dan ketahanan untuk berperang dalam satu tempoh yang lama. Sebagai contoh Shamsuddin L. Taya (2009) menjelaskan Moro Islamic Liberation Front (MILF) bukan sahaja berkemahiran melakukan perang gerila ia juga mempunyai kecergasan untuk melakukan perang dengan strategi lawan-runding-lawan-runding

(*fight-negotiate-fight-negotiate strategy*) sehingga meletihkan pihak yang terlibat³. Shamsuddin L. Taya turut menegaskan bahawa Moro Islamic Liberation Front (MILF) mempunyai pengalaman ekonomi untuk mendanai kekuatan militari mereka bagi jangka masa panjang. Meskipun Moro Islamic Liberation Front (MILF) dan Kesultanan Sulu adalah dua entiti terpisah, solidariti antara anggota bawahan ketika konflik ini berkembang memungkinkan satu pakatan. Iaitu antara etnik-etnik yang membentuk bangsa Moro dengan etnik Taosug yang boleh membawa kepada bencana kemanusiaan yang lebih besar.

Sehingga ketika makalah ini ditulis maklumat semasa dan terkini mengenai konflik ini sukar diperolehi, justeru adalah juga sulit untuk memantau keadaan kemanusiaan dalam wilayah konflik. Sebagai contoh, sukar untuk menentukan salah benarnya dakwaan bahawa pihak berkuasa Malaysia melarang pasukan kemanusiaan dari Autonomous Region in Muslim Mindanao (ARMM) yang berusaha memasuki Lahad Datu untuk menemui ketua penceroboh, Agbimuddin Kiram. Menurut Nazif Ahmad Abdurahman, Datuk Bandar kota Simunul, Tawi-Tawi misi kemanusiaan mereka gagal memasuki Lahad Datu untuk berunding dan memujuk penceroboh; ‘*upon reaching Sabah, the Malaysian authorities didn't allow us to proceed to Lahad Datu. We were only allowed to stay in Kota Kinabalu, so we left the place two days ago*

(Alipala 2013).

Demikian juga, tidak ada satu cara untuk menentukan laporan media Filipina bahawa berlakunya kekerasan, atau tindakan di luar undang-undang dan peri kemanusiaan terhadap imigran Filipina, mahupun komuniti Taosug. Dalam satu laporan misalnya, terdapat dakwaan bahawa hak-hak pihak dalam pertikaian ketika krisis ini berlangsung kurang dititikberatkan:

Jolo Mayor Hussin Amin told the Inquirer that he had spoken to many of the evacuees from Sabah and was told repeatedly of the alleged abuses by the Malaysian security personnel. “Soldiers and policemen stormed their houses and even those with legitimate working papers like passports and IC papers were not spared. These documents were allegedly torn down before their eyes. Men were told to run and were shot if they did. Those who refused were beaten black and blue. Filipinos inside the jail were executed,” he said. “We are asking our government to investigate now. Refugees from Sandakan and Sabah share [the same] ordeals. If indeed what they have been telling us is true,

then Malaysian authorities were not just targeting the Kirams in Lahad Datu,” Amin added, according to the Inquirer. The Malaysian government repeated its stand yesterday that it will continue hunting down Sulu invaders in Lahad Datu until every single militant is flushed out of the country (Chooi 2013b).

Adalah sukar untuk menentukan kesahihan tuduhan di atas memandangkan media mengalami keterhadan keizinan untuk membuat laporan. Kerajaan Malaysia bagaimanapun menafikan dakwaan tersebut. Pada 11 Mac 2013, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi selaku Menteri Pertahanan menganggapnya sebagai tuduhan tidak berasas (The Malaysian Insider 2013). Ketiadaan sumber langsung dalam konflik ini mengakibatkan keresahan dalam kalangan masyarakat sivil. Sehubungan dengan itu Human Rights Watch menyatakan informasi benar dan jelas perlu dikemukakan supaya bantuan kemanusiaan dapat diusahakan kepada semua pihak dalam pertikaian; “*Malaysian government should provide accurate and clear information on what has occurred*” (ABN News 2013).

Walaupun kerajaan Malaysia enggan mengiktiraf pencerobohan dan kekacauan di Sabah tersebut sebagai perang, hak-hak kumpulan dalam pertikaian seperti yang digariskan oleh International Council on Human Rights Policy untuk United Nation hendaklah tidak dicabul (The Malaysian Insider 2013). Hak-hak mereka dalam pertikaian adalah pelarangan pembunuhan pemberi maklumat dan mereka yang dikhawatiri pembelot, perosakan tanaman dan harta benda, pemaksaan pergerakan, penghadan pergerakan, intimidasi, penafian hak jurnalis mendapatkan berita dan maklumat yang benar, penggunaan media untuk tujuan stigma atau pemomokan, layanan buruk terhadap kanak-kanak, pemerkosaan wanita dan penahanan haram secara besar-besaran individu atau kumpulan yang dapat dikaitkan dengan konflik ini. Hak-hak kumpulan dalam pertikaian tersebut terpapar dalam kutipan di bawah:

The following list includes some of the most common human rights abuses attributed to armed groups: Arbitrary deprivation of the right to life. Includes killing or massacres of civilians, indiscriminate attacks leading to civilian deaths, killing of captured combatants, killing of suspected “in informers”, “traitors” or independent critics (e.g. journalists), civilian deaths resulting from starvation and disease due to deliberate destruction of crops or

withholding or preventing access to relief supplies.

Disregard for the protection owed to civilians caught up in conflict. Destruction of civilian property, (homes, crops, livestock), attacks on civilian buildings like hospitals and schools, or property with religious or cultural significance, disregard for protection owed to medical and religious personnel, interfering with delivery of relief supplies, attacks on humanitarian workers, blockades of civilian settlements. Interference with freedom of movement. Forced movement and deportation of people, expulsions of populations on grounds of racial, ethnic, or religious background, denying access to safety to internally displaced persons or refugees, or forcing them back into unsafe areas, detention of refugees or displaced persons.

Interference with freedom of expression, assembly and association. Preventing independent organisations from operating, banning meetings and gatherings, using fear and intimidation to silence critics, denying journalists access to areas, closing independent media, using media to spread hatred or to incite violence. Torture, ill-treatment. Torturing captured soldiers or suspected informers to extract information, holding prisoners in inhuman or degrading conditions, mutilations, beatings and other cruel punishments to sow fear, enforce orders, punish delinquents, or indoctrinate recruits, using villagers as forced labour.

Abuses against children. Forced separation from family, forced abduction into the armed group as combatants or labourers, deliberate denial of access to education, sexual abuse.

Abuses against women. Rape, abduction into forced prostitution or sexual slavery, reprisal attacks against family members, gender-based discrimination.

Arbitrary deprivation of liberty and due process. Mass detentions of suspect groups or populations, taking and holding of hostages, forced disappearance of persons, “trials” against informers without due process (Petrasek 1999: 9-10).

Observasi di atas hanya dapat dilakukan sebaik pihak penceroboh atau penganas meletakkan senjata lantas membolehkan penilaian keadaan kemanusiaan. Pandangan sihat The Malaysian Bar wajar dijadikan rujukan dalam hal di atas. Analisis

The Malaysian Bar menyatakan tuntutan Kesultanan Sulu (atau Filipina) terhadap Sabah adalah tidak sah berdasarkan dua belas faktor atau hujah undang-undang⁴. Namun demikian, dalam mempertahankan kedaulatan Malaysia dari sebarang pencerobohan atau keganasan militer luar, Malaysia masih perlu bertindak dalam batas undang-undang selain menghormati tanda aras antarabangsa untuk hak asasi manusia:

Just as Malaysia is insisting on the respect for its sovereign rights under international law, as is proper, it would also be correct for the Malaysian Government to honour and maintain its commitment to international humanitarian law and international human rights standards in its conduct of the conflict and treatment of any persons detained as part of the conflict, and to accord such persons due process of the law (ABN News 2013).

Pandangan tersebut sejajar dengan tuntutan Ban Ki Moon, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya konflik ini diselesaikan dengan dialog, dan menurut lunas undang-undang antarabangsa. Kebimbangan bahawa hak-hak asasi manusia tidak dipertahankan merupakan inti seruan badan antarabangsa tersebut; '*all parties to facilitate delivery of humanitarian assistance and act in full respect of international human rights norms and standards*' (Akil Yunus 2013).

Selain hak mangsa-mangsa konflik yang dinyatakan di atas, hak-hak pihak yang terjejas secara tidak langsung juga perlu diambil kira. Sehubungan dengan itu, dalam keadaan krisis ini wajar ditekankan juga supaya hak-hak asasi 800,000 warga Filipina yang menetap dan bekerja di Sabah dipelihara dan diperhatikan menurut standard antarabangsa (Carcamo 2013). Dalam jumlah tersebut, terdapat juga kira-kira 45 ribu pelarian Filipina di Sabah yang milarikan diri dari konflik antara Armed Forces of the Philippines (AFP) dan New People's Army (NPA) sepanjang dekad 1980an (United States Committee for Refugees 2000). Pelarian Filipina di Sabah ini termasuklah pecahan bangsa Moro khususnya dalam konteks makalah ini, etnik Taosug yang terjejas kehidupan mereka ekoran konflik di Mindanao dan gugusan kepulauan yang lain. Hak-hak pelarian yang berdaftar dan tidak berdaftar dengan UNHCR ini harus dilindungi khususnya dalam situasi yang sensitif ini (Arzura Idris 2012: 36). Hal ini penting kerana undang-undang di Malaysia tidak mempunyai apa-apa peruntukan mengenai pelarian, dan Malaysia juga tidak

menandatangani Refugee Convention (1951); '*Malaysia is not a party to the Refugee Convention nor does it recognise refugee status in its domestic instruments*' (Dehm 2012). Seperkara yang lain, Malaysia juga tidak meratifikasi International Convention on Civil and Political Rights (ICCPR).

Pada tahun 2009, Malaysia menduduki antara tangga terburuk untuk negara yang gagal menghormati dan melindungi hak-hak pelarian menerusi World Refugee Survey (Suara Rakyat Malaysia 2009). Sebagai contoh pada tahun 2008, salah seorang penuntut takhta kesultanan Sulu, Sultan Esmail Kiram II telah ke Sabah untuk memohon supaya hak asasi warga Filipina yang bekerja di Sabah tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak berkuasa Malaysia:

With the looming crackdown on illegal entrants in Sabah, the Sultanate of Sulu rushed to Malaysia to appeal for humane treatment of thousands of Filipinos there. Sultan Esmail Kiram II, who has been in Malaysia since last week, has proposed to the State Government of Sabah to work with the governments of Kuala Lumpur and the Philippines to avoid the repeat of the 2001 deportation, where many of those affected experienced human rights violations (Alipala 2008)

Dakwaan layan buruk (*maltreatment*) dan pengusiran paksa (*forced deportations*) keluar warga Filipina khususnya dari komuniti Moro termasuk Taosug tersebut belum mendapat perhatian serius masyarakat antarabangsa (Alipala & Ubac 2008). Terdapat dakwaan pengusiran paksa keluar ini mengakibatkan kondisi kemanusiaan yang sangat buruk (Gloria 2013) di laut dan pulau-pulau Selatan Filipina. Malaysia hendaklah berhati-hati mengendalikan krisis ini supaya etnik Taosug yang telah lama menghuni Sabah tidak terheret sama menjadi mangsa konflik atau mengalami diskriminasi dan pemomokan (*stigmatization*):

Two days ago, a MNLF leader had warned that the Lahad Datu standoff could widen into a civil war engulfing Sabah, since more than 8,500 Filipinos, mostly Tausugs or Suluk tribesmen, were residing in Sabah and potential supporters of the Sultanate of Sulu (The Malaysian Insider 2013).

Dalam keadaan terdesak untuk menamatkan krisis ini dengan segera, Malaysia masih perlu mengimbangi keperluan untuk memelihara kondisi kemanusiaan imigran mahupun rakyat Filipina yang

mendiami Sabah:

We reiterate our call on the Malaysian government to give humane treatment to the Filipinos under their custody. The allegations are alarming and should be properly and immediately addressed by concerned authorities (Kate & Guinto 2013).

Permintaan Philippines Foreign Affairs Department di atas tidak boleh dipandang ringan. Adalah dibimbangi setelah konflik ini berakhir; hal-hal berkaitan isu-isu kemanusiaan dan ketegangan diplomatik (*diplomatic bitterness*) antara Filipina dan Malaysia boleh berbangkit.

Ekoran itu permintaan dan gesaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu kepada Hussein Haniff iaitu wakil Malaysia di agensi antarabangsa tersebut, supaya usaha menjamin hak-hak asasi manusia dilunasi, di samping menghindari lebih banyak pertumpahan darah, wajar diberi perhatian; '*efforts should be made to ensure that human rights will be respected and loss of life will be prevented*' (Kwok 2013). Ini adalah lojik dan relevan, kerana pengabaian kemanusiaan boleh memburuk dan memanjangkan konflik sedia ada.

Media massa pula perlu diingatkan supaya berhati-hati membuat laporan dan tidak menyebarkan pemomokan. Ini kerana sentimen terhadap etnik Taosug sudah sedia memburuk di Sabah. Laporan media seperti Utusan Malaysia yang memperincikan kematian anggota keselamatan di Semporna sebagai contoh dapat menyemarakkan sentimen kebencian, dan prasangka selepas konflik ini mereda:

Dalam satu pertempuran di Kampung Sri Jaya, Simunul malam semalam, enam anggota polis yang ditugaskan ke kampung tersebut sebaik menerima maklumat mengenai kumpulan penceroboh maut selepas diserang hendap. Lebih zalim, seorang anggota polis yang terperangkap ketika serangan hendap tersebut dipenggal kepalanya oleh tentera Kesultanan Sulu selepas ditawan tetapi identiti mangsa belum dapat disahkan. Seorang lagi mangsa iaitu Ketua Cawangan Khas Daerah (KCKD) yang berpangkat Asisten Supritandan maut selepas perut dirodok menggunakan senjata tajam dipercayai parang menyebabkan ususnya terburai (Mohd Asron Mustapha 2013).

Dalam pada itu pemerhatian rambang dalam media atas talian mendapati kebanyakan rakyat Sabah menghubungkan krisis di Lahad Datu dengan Projek IC⁵. Rata-rata rakyat Sabah berasa takut dan khuatir dengan kemungkinan etnik Taosug dalam

kalangan orang Filipina yang telah mendiami Sabah akan bersekongkol dengan Kesultanan Sulu untuk mencetuskan huru-hara. Prasangka dan sentimen terhadap 'orang Filipina' rentetan Projek IC boleh mengundang kepada pencabulan hak asasi manusia tanpa batas. Dua contoh laporan di bawah menunjukkan pemomokan dan prasangka yang sudah tertanam dalam fikiran segelintir rakyat Malaysia di Sabah:

The lecturer said "Project IC" — where citizenship was allegedly granted to illegal immigrants in Sabah through irregular means — was "definitely related" to the situation now, adding it was "the root" of the problem. He said Sabahans are used to the existence of foreigners in the state, but said that "with such a standoff... the fire has started." "I am afraid with the numbers because they might attack us anytime. We are surrounded by them, those with identity cards plus (the) standoff group (Lim 2013).

"The Filipinos here will help their own people," said Zaini, who is a Bajau born in Semporna. "They should be helping us. But they are just keeping quiet, like they want to take over our state," added the 29-year-old. He pointed out that the Filipinos in the state capital sell handicraft, salted fish and cigarettes, besides running other businesses in their own "Filipino market" here. Zaini expressed frustration at undocumented Filipinos being allowed through checkpoints during a recent journey from Semporna to Kota Kinabalu. "I don't know if they give bribes," he said. He added that "Project IC" has enabled foreigners to create chaos in the country. Tun Dr Mahathir Mohamad, Malaysia's longest-serving prime minister who was in power from 1981 to 2003, has been accused of spearheading the so-called "Project IC", in which citizenship was allegedly given to immigrants for their votes (Su-Lyn 2013).

Selain laporan di atas, mantan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Harris Salleh turut menyatakan kekesalannya kerana pihak berkuasa mencabul hak asasi rakyat dengan menjalankan operasi merampas dan memusnahkan dokumen pengenalan diri yang pernah diberikan kepada masyarakat Suluk (Taosug) di Sabah (Malaysiakini 2013). Pengganas atau penceroboh yang ditahan ketika Operasi Daulat di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) ini harus segera dibawa ke muka pengadilan dan diberi bantuan guaman yang secukupnya daripada peguam yang

dilantik Sabah Law Association (Norwahida Yamaluddin 2013).

Dalam disiplin sosiologi, sarjana hak asasi manusia menggariskan ciri-ciri masyarakat yang terjadinya pemomokan (*stigmatization*). Pemomokan ini berlaku ketika i) ahli masyarakat yang dominan bertindak membeza dan melabel kumpulan tertentu; ii) pelabelan dalam konteks ini adalah etnik Taosug, yang ditanggapi sebagai ‘individu atau kumpulan yang tidak dikehendaki’; iii) seterusnya pihak atau sasaran yang dilabel mengalami pengasingan; iv) di mana pengasingan itu, membawa kepada pihak yang dilabel kehilangan status dalam masyarakat secara tidak adil (Link & Phelan 2001: 363).

Etnik Taosug warga Malaysia yang sememangnya sudah mendiami Sabah perlu dilindungi dan tidak dimomoki. Ini kerana krisis yang berlaku adalah antara sekumpulan Taosug dari Filipina yang mendakwa mewakili Kesultanan Sulu, dengan kerajaan Malaysia. Kedua-dua komponen iaitu Taosug warga Malaysia dengan Kesultanan Sulu meski saling berhubungan adalah tetap dua komponen berbeza. Adalah dikhawatir pemomokan yang tidak dikawal terhadap etnik Taosug hari ini akan membawa kepada ketidakstabilan masyarakat Sabah di masa mendatang. Ini kerana etnik Taosug dan lain-lain etnik dari Filipina telah membanjiri Sabah sejak tahun 70an:

Malaysian police and security forces have separated the Tausugs from the rest of the Filipino ethnic groups but added that they have not been harmed or threatened. She said she did not know the reason why they are segregated according to ethnicity. The Tausugs are the dominant ethnic group of Sulu and Tawi-Tawi but some Maguindaoans, Yakans and Samals have also established residences in many parts of Sabah. At least 400,000 Filipinos in Sabah are reportedly undocumented. They were part of the exodus from Mindanao during the height of the Moro insurgency in the 1970s. Most of them are either into trading or working as farm workers in palm oil plantations (Espejo 2013).

Rencana Parti Bersatu Sabah seperti yang dilaporkan oleh akhbar *Daily Express* pada 21 Mac 2013 untuk melakukan penempatan semula penghuni kampung air yang dihuni oleh ramai penduduk berbangsa Taosug haruslah dilakukan menurut standard undang-undang; dan bukan semata-mata kerana mereka dari etnik Taosug (*Daily Express* 2013). Wacana hak asasi manusia yang dominan

menegaskan pelabelan dan prasangka yang melampau boleh menjurus kepada pencerobohan hak-hak asasi individu dan komuniti yang serius. Sebagai contoh apabila berlakunya peristiwa serangan kumpulan al-Qaeda terhadap World Trade Centre, New York pada 11 September 2001, komuniti Islam telah mengalami pelabelan, prasangka, pemomokan dan akhirnya pencabulan hak yang berterusan (Barkdull et al. 2011).

KESIMPULAN

Lantaran konflik ini berpotensi untuk memburuk, penglibatan masyarakat sivil untuk memantau keadaan diperlukan. Sebagai contoh, The Moro National Liberation Front (MNLF) kini menuntut perhatian Organization of Islamic Cooperation (OIC) untuk membantu menjadi orang tengah dalam konflik ini (Pareño & Regalado 2013). The Ateneo Human Rights Center (AHRC) yang berpusat di Ateneo University, Filipina turut memantau dan melaporkan keadaan hak asasi manusia terkait konflik di Sabah ini (InterAksyon 2013). Di pihak Malaysia, adalah perlu sebuah badan bebas turut mengawasi keadaan hak asasi pihak yang sedang dalam pertikaian. Malaysia sebagai misalan boleh memanggil kembali kumpulan International Contact Group (ICG) yang telah memantau proses perjanjian antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembelaan Islam Moro (Moro Islamic Liberation Front atau MILF) pada tahun 2012. Pemerhati ICG terdiri daripada empat negara iaitu United Kingdom, Arab Saudi, Turki dan Jepun. Ia juga memuatkan empat pertubuhan antarabangsa iaitu Conciliation Resources (UK), Center for Humanitarian Dialogue (Switzerland), Asia Foundation (US), dan Muhammadiyah (Indonesia). Kebolehan dan citra baik Malaysia dalam menentukan perjanjian komprehensif mengenai penubuhan negeri Bangsamoro dicapai pada hujung tahun 2012 wajar diterjemahkan sekali lagi. Kerangka yang mungkin perlu dipertimbangkan untuk memungkinkan krisis ini berakhir sepenuhnya adalah dengan menggunakan formula ‘the Tertius Gaudens’ oleh Georg Simmel yang akan membawa kepada ‘Hipotesis Seimbang’ seperti disarankan Fritz Heider. Kerajaan Malaysia perlu membetulkan keadaan dengan merundingi bukan sahaja Kesultanan Sulu, tetapi juga Moro Islamic Liberation Front (MILF) dan The Moro National Liberation Front (MNLF). Bukan itu sahaja, pengganas yang ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) ketika konflik ini berlangsung

perlu dihadapkan ke mahkamah dalam tempoh masa munasabah selepas penahanan dan diadili menurut peruntukan undang-undang yang benar.

NOTA

- ¹ Pengkaji menggunakan ejaan Taosug di dalam teks. Namun demikian ejaan Tausug dikekalkan dalam kutipan. Bangsa Taosug dirujuk oleh masyarakat di Borneo sebagai orang Suluk. Lihat Asreemoro. 2007. *Tausug dan Kesultanan Sulu*. Batu Caves: RNH Marketing Sdn Bhd. Halaman 12-27.
- ² Pengkaji berterima kasih kepada Darelle Leiking dan Rafizi Ramli yang menyalurkan maklumat tersebut menerusi hasil carian mereka di Jabatan Arkib Negara Sabah pada 20 Mac 2013.
- ³ Moro Islamic Liberation Front (MILF) atau Barisan Pembebasan Islam Moro telah menandatangani perjanjian damai dengan kerajaan Filipina pada 15 Oktober 2012. MILF berbeza dengan Barisan Pembebasan Nasional Moro atau Moro National Liberation Front (MNLF) di bawah pimpinan Nur Misuari. MNLF telah menandatangani Perjanjian Perdamaian Akhir (Final Peace Agreement - FPA) antara kerajaan pada 1996. Perjanjian ini membawa kepada pembentukan Daerah Autonomi Muslim Mindanao (Autonomous Region of Muslim Mindanao - ARMM).
- ⁴ The Malaysian Bar menyatakan tuntutan Kesultanan Sulu (atau Filipina) terhadap Sabah adalah tidak sah berdasarkan dua belas faktor atau hujah undang-undang. Salah satu hujah The Malaysian Bar adalah Mahkamah Keadilan Antarabangsa (The International Court of Justice) telah memutuskan pada 17 Disember 2002, bahawa pulau Ligitan dan Sipadan terletak dalam perairan Sabah, Malaysia. Lihat ABN News. 2013. Bar Council calls on Malaysian security forces to observe laws and human rights. 11 Mac.
- ⁵ Projek IC adalah projek yang berlaku secara tersusun, bersepada tetapi dalam keadaan tersembunyi dalam dekad 1980an dan 1990an khususnya di Sabah. Projek ini dikatakan mengambil tempat dengan cara memberi kad pengenalan kepada imigran dan pendatang asing, dengan tujuan mengubah demografi Sabah sehingga dapat menguntungkan parti pemerintah. Rujuk antara lain Kamal Sadiq. 2005. When states prefer non-citizens over citizens: conflict over illegal immigration into Malaysia. *International Studies Quarterly* 49: 101–122. Juga rujuk Tey, T.H. 2010. Malaysia's electoral system: government of the people?. *Asian Journal of Comparative Law* 5 (1): 1-32.

RUJUKAN

- Akil Yunus. 2013. Lahad Datu: Ban Ki-moon calls for swift, peaceful end to Sabah intrusion. 7 Mac. *New Straits Times*. <http://www.nst.com.my/latest/font-color-red-lahad-datu-font-ban-ki-moon-calls-for-swift-peaceful-end-to-sabah-intrusion-1.230317>
- Alipala, J. 2008. Sulu sultanate seeks humane treatment of Filipinos in Sabah. 19 Julai. *Inquirer Global Nation*. <http://globalnation.inquirer.net/news/breakingnews/view/>

- 20080719-149474/Sulu-sultanate-seeks-humane-treatment-of-Filipinos-in-Sabah (2 Mac 2013).
- Alipala, J. 2013. PH humanitarian team banned from Lahad Datu. 3 Mac. *Inquirer Global Nation*. <http://globalnation.inquirer.net/66393/ph-humanitarian-team-banned-from-lahad-datu> (3 Mac 2013).
- Alipala, J. & Ubac, M.L. 2008. For deported Filipinos it's Sabah or bust. 24 Julai. *Philippine Daily Inquirer*. <http://globalnation.inquirer.net/news/news/view/20080724-150309/For-deported-Filipinos-its-Sabah-or-bust> (2 Mac 2013).
- Arzura Idris. 2012. Malaysia and forced migration. *Intellectual Discourse* 20 (1): 31-54.
- Asreemoro. 2007. *Tausug dan Kesultanan Sulu*. Batu Caves: RNH Marketing Sdn Bhd.
- Barkdull, C., Khaja, K., Tajalli, I.Q., Swart, A., Cunningham, D. & Dennis, S. 2011. Experiences of Muslims in four western countries post-9/11. *Affilia: Journal of Women and Social Work* 26(2): 139-153.
- Carcamo, D. 2013. Drilon: PNoy on top of Sabah situation. 4 Mac. *PhilStar.com*. <http://www.philstar.com/nation/2013/03/04/915714/drilon-pnoy-top-sabah-situation> (4 Mac 2013).
- Cartalucci, T. 2013. US-Saudi funded terrorists invade eastern Malaysian state of Sabah. *PressTv*. 9 Mac. (20 Mac 2013).
- Cesar Adib Majul. 1999. *Muslims in the Philippines*. Quezon City: University of the Philippines Press.
- Chong, D. 2013. Sulu royalty open to talks wants recognition of Sabah claim. 3 Mac. *The Malaysian Insider*. <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/sulu-royalty-open-to-talks-wants-recognition-of-sabah-claim/> (3 Mac 2013).
- Chooi, C. 2013a. Manila now says up to Malaysia to handle Sulu militants. 4 Mac. *The Malaysian Insider*. <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/manila-seriously-studying-sulu-sultans-sabah-claims-says-aquino-spokesman/> (4 Mac 2013).
- Chooi, C. 2013b. Filipino refugees claim of police brutality in Sulu roundup. 10 Mac. *The Malaysian Insider*. <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/filipino-refugees-claim-of-police-brutality-in-sulu-roundup/>
- Cruz, A.D. 2013. Pastor Boy Saycon admits he's sultan's adviser. 3 Mac. *Philippine Daily Inquirer*. <http://globalnation.inquirer.net/66385/pastor-boy-saycon-admits-hes-sultans-adviser> (3 Mac 2013).
- Dehm, S. 2012. Sovereignty, protection and the limits to regional refugee status determination arrangements. *Merkourios* 28 (75): 53-60.
- Dolan, R.E. 1991. *Philippines: A Country Study*. Washington DC: GPO for the Library of Congress.
- Dzulasree. 2009. Di sebalik summit 17 nov & council of royal datus. 8 Disember. *Kesultanan Sulu*. <http://tausug-global.blogspot.com/2009/12/di-sebalik-summit-17-nov-council-of.html> (4 Mac 2013).
- Espejo, E. 2013. Pinoy in Sabah afraid claim they're segregated. 5 Mac. *Rappler*. <http://www.rappler.com/nation/23084-pinoy-in-sabah-afraid-claim-they-re-segregated> (4 Mac 2013).
- Gloria, G.M. 2013. The forgotten problem of Sabah's halaw. 4 Mac. *Rappler*. Penerbitan semula wawancara pada tahun 2002 di Newsbreak. [http://www.rappler.com/newsbreak/23009-the-forgotten-problem-of-sabah-s-halaw%20%20\(4 Mac 2013\).](http://www.rappler.com/newsbreak/23009-the-forgotten-problem-of-sabah-s-halaw%20%20(4)

- Heider, F. 1946. Attitudes and cognitive organization. *Journal of Psychology* 21: 107-112.
- <http://en.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/6881-muslims-must-grow-up-amid-growing-threat-of-sectarianism-seminar-told.html> (11 Mac 2013).
- <http://news.abnxcess.com/2013/03/bar-council-calls-on-malaysian-security-forces-to-observe-laws-and-human-rights/> (11 Mac 2013).
- http://news.abnxcess.com/2013/03/human-rights-watch-malaysia-must-ensure-full-respect-of-international-human-rights-norms/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=human-rights-watch-malaysia-must-ensure-full-respect-of-international-human-rights-norms (11 Mac 2013).
- http://www.bharian.com.my/bharian/articles/UMNOSabah_mintakeahlian_8216_SultanSulu_8217_dipecat/Article/index (2 Mac 2013).
- <http://www.dailyexpress.com.my/news.cfm?NewsID=84612> (15 Mac 2013).
- <http://www.dailyexpress.com.my/news.cfm?NewsID=84687> (21 Mac 2013).
- <http://www.interaksyon.com/article/56172/ateneo-hr-center-disappointed-with-insensitive-govt-handling-of-sabah-row> (2 Mac 2013).
- <http://www.malaysiakini.com/news/223906> (14 Mac 2013).
- <http://www.sinarharian.com.my/nasional/kronologi-pencerobohan-di-lahad-datu-1.135824> (2 Mac 2013).
- <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/brutality-claims-just-wild-allegations-says-zahid-hamidi/> (11 Mac 2013).
- <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/end-sabah-clash-in-brotherly-way-mnlf-warns-putrajaya/> (4 Mac 2013).
- <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/nazri-sabah-skirmishes-not-war-sulu-militants-to-be-charged-with-murder/> (5 Mac 2013).
- Kamal Sadiq 2005. When states prefer non-citizens over citizens: conflict over illegal immigration into Malaysia. *International Studies Quarterly* 49: 101-122.
- Kate, D.T. & Guinto, J. 2013. Philippines Asks M'sia to Clarify Sabah Abuse Reports. 11 Mac. *Bloomberg*. <http://www.businessweek.com/news/2013-03-11/phillippines-calls-on-malaysia-to-clarify-report-of-sabah-abuse> (11 Mac 2013)
- Kwok, A. 2013. UN's Ban meets Malaysian envoy on Sabah HRW urges access to humanitarian aid respect for rights. 9 Mac. *Inter-Aksyon.com*. <http://www.interaksyon.com/article/56693/uns-ban-meets-malaysian-envoy-on-sabah-hrw-urges-access-to-humanitarian-aid-respect-for-rights>
- Lim, I. 2013. Security crisis shows Project IC still haunts Sabah say analysts. 4 Mac. *The Malaysian Insider*. <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/security-crisis-shows-project-ic-still-haunts-sabah-say-analysts/> (4 Mac 2013).
- Lim, I. 2013. Worried over security crisis but Sabahans warn against stereotyping Filipinos. 5 Mac. *The Malaysian Insider*. <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/worried-over-security-crisis-but-sabahans-warn-against-stereotyping-filipinos/> (5 Mac 2013).
- Link, B. & Phelan, J. 2001. Conceptualizing stigma. *Annual Review of Sociology* 27 (3): 363-385.
- Mohd Asron Mustapha. 2013. Serangan besar-besaran. 4 Mac. *Utusan Malaysia Online*. http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130304/dn_05/Serangan-besar-besaran#ixzz2MdTQrH1k (4 Mac 2013).
- Norwahida Yamaluddin. 2013. Tahanan Ops Daulat akan didakwa. 19 Mac. *Borneo Post*. <http://www.theborneopost.com/2013/03/19/tahanan-ops-daulat-akan-didakwa/>
- Pareño, R. & Regaldo, E. 2013. MNLF urges OIC UN to intervene in Sabah. 4 Mac. *The Philippine Star*. <http://www.philstar.com/headlines/2013/03/04/915534/mnlf-urges-oic-un-intervene-sabah> (4 Mac 2013).
- Perkhidmatan Awam Sabah. 1975. *Senarai Kakitangan 1975: Kumpulan Pengurusan dan Iktisas dan Kumpulan Kerja dan Separa Iktisas*. Kota Kinabalu: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Petrasek, D. 1999. *Ends & Means: Human Rights Approaches To Armed Groups*. Switzerland: International Council on Human Rights Policy.
- Shamsuddin L. Taya. 2009. *Strategies and Tactics of the Moro Islamic Liberation Front (MILF) in the Southern Philippines*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Simmel, G. 1950. *The Sociology of Georg Simmel*. Terjemahan oleh Kurt Wolff. New York: Free Press.
- Suara Rakyat Malaysia. 2009. World Refugee Survey 2009: Malaysia is Worst Place for Refugees- Again. *Suaram*. 21 Jun. <http://suarampg.blogspot.com/2009/06/world-refugee-survey-2009-malaysia-is.html> (1 Mac 2013).
- Su-Lyn, B. 2013. Tourism drop food stock-up in KK amid Sabah deadly clashes. 5 Mac. *The Malaysian Insider*. <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/tourism-drop-food-stock-up-in-kk-amid-sabah-deadly-clashes/> (5 Mac 2013).
- Tarling, N. 1978. *Sulu And Sabah: A Study of British Policy Towards the Philippines and North Borneo From the Late Eighteenth Century*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tey, T.H. 2010. Malaysia's electoral system: government of the people?. *Asian Journal of Comparative Law* 5 (1): 1-32.
- United States Committee for Refugees and Immigrants. 2000. *U.S. Committee for Refugees World Refugee Survey 2000 - Philippines*. 1 Jun. UNHCR. <http://www.unhcr.org/refworld/docid/3ae6a8d117.html> (1 Mac 2013).
- Warren, J.F. 1985. *The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*. Quezon City: New Day Publishers.
- Yusof Ahmad Talib. 2011. Islam in south east asia. Dlm. Idris el Hareir & El Hadji Ravane M'Baye. (eds.). *The Spread of Islam Throughout the World*. Hlm. 693-709. Paris: UNESCO Publishing.

Mohd Faizal Musa, Ph.D.

Felo Penyelidik

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: mfaizalmusa@ukm.my

